

DR M: JANGAN SALAH GUNA KEBEBASAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan mungkin menukar semula dasar liberalnya jika kebebasan yang diberi disalahgunakan bagi tujuan menindas orang lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan memandang berat penyalahgunaan kebebasan yang terdapat dalam dasar liberal Kerajaan sekarang.

"Kebebasan yang diguna untuk menindas orang lain tidak kurang buruknya dari penindasan oleh Kerajaan yang tidak liberal," ujarnya.

Berucap di Perhimpunan Agung UMNO ke-33 di sini, beliau menjelaskan, Kerajaan beralih liberal dalam memerintah negara sejak setahun lalu kerana ia percaya masyarakat Malaysia sudah dewasa.

"Tetapi, jikalau tidak ada penghargaan terhadap dasar Kerajaan, maka terpuaklah Kerajaan menamatkan liberalisme yang disalahgunakan ini," tegasnya, disambut tepukan gemuruh para

hadhiran.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, sejak setahun yang lalu, Kerajaan telah cuba memberi lebih banyak kebebasan, termasuk kepada orang-orang yang menoleng musuh negara.

"Kita telah cuba membebaskan ramai daripada orang-orang tahanan, termasuk ahli-ahli dari parti pembangkang.

Membebaskan

"Kita juga telah menawar untuk melepaskan siapa jua dari golongan 'hard-core' komunis yang sanggup kerakayannya dilucutkan dan diterima oleh negara asing," ujarnya.

Di samping itu, tambahnya, Kerajaan juga memberi kebenaran kepada hampir sesapa sahaja yang memohon untuk menerbitkan surat-suratkhbar dan majalah.

Menurutnya, Kerajaan berharap dasar liberalisme tersebut akan dihargai dan dipelihara oleh pihak-pihak yang mendapat faedah daripadanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri kesaal ada

plhak yang menganggap kebebasan tersebut sebagai satu "lesen" untuk membuat apa sahaja.

"Ada yang cuba menyeleangkan proses undang-undang dengan mengguna tekanan dari luar negeri untuk membebaskan penjenayah yang telah dihukum mengikut semua proses undang-undang.

"Juara-juara penjenayah ini dengan suara yang lantang sering mendeasak kita hadapkan ke mahkamah orang-orang yang ditahan di bawah undang-undang ISA kerana kononnya tidak adil.

"Tetapi, apabila penjenayah dibicarakan dan dihukum, mereka sekali lagi menjerit bahawa ini pun tidak adil," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyifatkan golongan tersebut sebagai boneka kumpulan-kumpulan asing di luar negeri yang tidak senang melihat keamanan di Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menghapuskan ISA selagi kegiatan-kegiatan yang mengancam keamanan negara masih

diminati oleh golongan tertentu.

Bellau juga menyeru Kerajaan Belanda mengkaji semula sejarah pemerintahanya di Hindia Timur Belanda sebelum bertindak sebagai orang yang mempunyai suara hati.

Katanya, Digul (Pusat Tahanan Bagi Pejuang-Pejuang Kebangsaan Indonesia di Irian) adalah ciptaan mereka.

Jaguh

Saranan Datuk Seri Dr. Mahathir ini dianggap sebagai rujukan kepada kenyataan kritikal oleh Perdana Menteri Belanda, Eneik Andras Van Agt baru-baru ini mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Encik Van Agt dipetik oleh agensi berita asing sebagai mengocam Malaysia kerana mengenakan hukuman mati dalam memperatahkan keselamatan negara.

Mengenal akhbar, Perdana Menteri kesaal dengan pihak-pihak akhbar yang hanya mengutamakan kelarisan penjualan akhbar berkenaan.

Katanya, ada akhbar-akhbar baru yang mengguna seks dan skandal untuk mendapat pelanggan yang ramai.

"Pada permukaannya akhbar-akhbar ini kononnya memandang berat skandal-skandal yang berlaku, tetapi sebenarnya yang ditutamakan ialah kelarisan penjualan akhbar berkenaan," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir membidas mereka kerana membuat tuduhan melulu tanpa mengambil kira kesan kepada yang dituduh.

Menurutnya, akhbar-akhbar ini mengambil kesempatan dari keengganan yang dituduh menanggapi pblisiti.

"Mereka berasa megah dan angkuh kerana sebagai penulis akhbar mereka boleh babahkan segala maklumat dan buaja mereka melalui akhbar mereka, sementara yang dituduh tidak mempunyai alat untuk mempertahankan diri," tambahnya.

Bellau memberi ingatan, jika kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini diteruskan, sikap liberal Kerajaan mungkin ditukar semula.